

03/10/1998

MT bincang minggu depan

JITRA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, peletakan jawatan Datuk Ahmad Zahid Hamidi sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno, akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti, minggu depan.

Perdana Menteri berkata, MT juga akan memutuskan kedudukan Zahid sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN).

Beliau mengesahkan Zahid menulis surat kepadanya berhubung perletakan jawatan itu selepas dibebaskan tanpa syarat dua hari lalu daripada tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri (ISA).

Katanya, selain memberi pengakuan tidak mahu terbabit dalam gerakan reformasi, Zahid memaklumkan bahawa beliau mahu kekal sebagai ahli Umno dan Ketua Umno bahagian.

"Dia bagi tahu kepada saya dia tak mahu terlibat lagi dalam gerakan reformasi dan mahu kekal sebagai ahli Umno dan ketua bahagian.

"Ini akan ditimbang oleh MT dan jawatankuasa disiplin parti," katanya mengulas peletakan jawatan Zahid.

Zahid yang juga Ketua Umno bahagian dan Ahli Parlimen Bagan Datoh, mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Ketua Pemuda Umno, pagi ini.

Ketika dalam tahanan, isteri Zahid juga menghantar surat kepada Dr Mahathir bagi memaklumkan bahawa suaminya tidak lagi terlibat dengan gerakan reformasi.

Dr Mahathir berkata, cadangan Ahmad Zahid untuk menjelajah seluruh negara bagi membuat penjelasan adalah haknya.

(END)